

KERANGKA PENINGKATAN KECEKAPAN GRADUAN AUTOMOTIF
SEKOLAH MENENGAH KEJURUAN MELALUI LATIHAN INDUSTRI
DI INDONESIA

AMINUDDIN ALIDIN TARAWE

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat-syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Pendidikan dan Pembangunan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2014

DEDIKASI

Sentiasa diingati:

Ayahanda : Alidin Tarawe (Allahu yarham)

Ibunda : Sapiah Dali (Allahu yarham)

Sentiasa dikasihi:

Hajah Karyanti Andi Sahabu

Sentiasa disayangi:

Dzulfikar Adhiyatma Tarawe

Dwi Rangga Sasmitha Tarawe

Mochammad Virgiawan Rhamadhanis

Adinda Ratu Nurshorehaty

Sentiasa dihormati:

Pensyarah-pensyarah

Rakan-rakan seperjuangan

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjakat kepada Allah S. W. T, kerana dengan limpahan rahmat dan karunia serta izin-Nya jualah kajian ini dapat disempurnakan. Selawat dan salam sentiasa dikirimkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad, S. A. W. yang menyampaikan risalah dakwahnya, sehingga dapat membawa umatnya ke alam terang benderang dengan izin Allah S. W. T.

Ucapan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada penyelia **Profesor Dr. Mohamed Najib Bin Abdul Ghafar**, yang begitu berdedikasi memberi tunjuk ajar, bimbingan, ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam kajian serta motivasi yang berterusan sepanjang kajian ini dijalankan.

Terima kasih juga kepada Bapak Gubernur Provinsi Sulawesi Selatan Republik Indonesia yang telah memberikan tajaan sehingga akhir pengajian. Ucapan kasih sayang kepada isteri dan anak-anak yang sentiasa memberikan doa tiada hentinya untuk kejayaan dalam menamatkan pengajian. Akhir sekali ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah dan staf Universiti Teknologi Malaysia, terutamanya Fakulti Pendidikan, diatas segala bantuan dan kerjasamanya dalam menyiapkan kajian ini. Semoga segala budi dan jasa yang telah diberikan akan mendapat balasan daripada Allah S. W. T, dan dapatan kajian ini memberi manfaat kepada semua.

ABSTRAK

Pembangunan sumber manusia yang berdaya saing adalah fokus utama pembangunan negara Indonesia masa kini. Untuk mencapai matlamat ini, pembangunan pendidikan adalah diperlukan bagi menghasilkan individu yang berkompeten dan bersedia menghadapi cabaran global. Objektif kajian ini adalah untuk menyelidik kerangka peningkatan kecekapan semasa latihan industri serta keselariannya dengan keperluan pekerjaan di industri. Kajian ini menggunakan reka bentuk gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik ke atas 300 orang responden yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi melalui Ujian-t, ANOVA satu hala dan reka bentuk faktorial pada aras signifikan 0.01. Kaedah kuantitatif menggunakan senarai semak pengamatan untuk memperolehi data daripada 70 orang responden. Manakala, senarai soalan temu bual telah digunakan ke atas 20 orang responden iaitu pelajar, guru, penyelia, dan majikan yang dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Data dianalisis menggunakan perisian NVivo. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kecekapan pelajar selepas latihan industri. Hasil analisis statistik inferensi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kognitif, kemahiran dan sikap pelajar sebelum dan selepas latihan industri. Berdasarkan tempoh masa latihan industri, menunjukkan bahawa enam bulan lebih baik dibandingkan dengan empat bulan atau tiga bulan. Dalam erti kata lain, latihan industri memberi kesan positif ke arah meningkatkan kualiti kecekapan pelajar. Analisis temu bual mengungkap 21 dimensi penting dalam perlaksanaan latihan industri. Daripada hasil kajian ini, satu kerangka pembinaaan kecekapan pelajar Sekolah Menengah Kejuruan yang sesuai dengan keperluan industri dicadangkan.

ABSTRACT

A competitive human resource development has been the focus of the current development in Indonesian. To achieve this aim, the development of education is needed to create an individual who is competent and ready to face global challenges. The objective of this study is to investigate a framework for increase competency during industrial training and its relevance with the requirements of the job in industry. The study employed a combination of quantitative and qualitative research design. The quantitative method used questionnaires on 300 respondents with selected through random sampling method. The data were analyzed using SPSS software for descriptive statistic analysis and the parametric inferential statistic analysis for t-test, one way ANOVA, and factorial design with the level of significant set as 0.01. The qualitative method used observation check list was to get data from 70 students. Meanwhile, the interview protocol was used to get data on 20 respondents namely; students, teachers, supervisors, and employers with selected through purposive sampling method. The data were analyzed using by NVivo software. Overall, the results showed that there was an increase in students' competence after the industrial training. The results of inferential statistical analysis showed that there were significant differences between the levels of cognitive, skills, and attitudes before and after the industrial training. Based on the time period of industrial training, it showed that six month is better than four or three months. In other words, the industrial training provides a positive impact on improving the quality of students' competency. The Interview analysis revealed that there were 21 important dimensions in the implementation of industrial training. This research found a framework for the development of Vocational High School students' competency which is relevant to the industrial needs proposed.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN PENULIS	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI GRAF	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang Masalah	4
1.3	Pernyataan Masalah	16
1.4	Objektif Kajian	18
1.5	Persoalan Kajian	18
1.6	Hipotesis Kajian	19
1.7	Rasional Kajian	20
1.8	Kepentingan Kajian	21
1.9	Skop dan Batasan Kajian	23
1.10	Kerangka Teori dan Kerangka Konsep Kajian	24
1.11	Definisi Istilah	29
1.11.1	Pendidikan Sistem Ganda (PSG)	29
1.11.2	Latihan Industri	29

1.11.3 Kecekapan Pelajar	29
1.11.4 Kognitif	30
1.11.5 Kemahiran	30
1.11.6 Sikap	30
1.11.7 Graduan	31
1.11.8 Keselarian	31
2 KAJIAN LITERATUR	32
2.1 Pengenalan	32
2.2 Pembangunan Pendidikan Kejuruan di Indonesia	32
2.2.1 Bentuk Pendidikan	36
2.2.2 Pengkhususan Pendidikan	37
2.2.3 Peringkat Pendidikan	38
2.3 Sekolah Menengah Kejuruan (SMK)	39
2.3.1 Kurikulum Pendidikan Kejuruan	41
2.3.2 Pendidikan Sistem Ganda (PSG)	44
2.3.3 Guru dan Pelatih Pendidikan Kejuruan	45
2.4 Latihan Industri (LI)	47
2.4.1 Kecekapan	53
2.4.2 Kognitif	53
2.4.3 Kemahiran	56
2.4.4 Sikap	59
2.5 Pembangunan Modal Insan	61
2.6 Kajian-Kajian Lepas	67
3 METODOLOGI KAJIAN	72
3.1 Pengenalan	72
3.2 Rekabentuk Kajian	72
3.3 Populasi, Sampel dan Tempat Kajian	78
3.4 Instrumenasi	81
3.4.1 Kajian Bahagian I dan III	81
3.4.2 Kajian Bahagian II	82
3.4.3 Soal Selidik	84
3.4.4 Pengamatan	87
3.4.5 Temubual	89

3.5	Kajian Rintis	90
3.5.1	Kesahan Soal Selidik	91
3.5.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik	95
3.5.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Senarai Semak	98
3.5.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soalan Temu Bual	98
3.6	Analisis Data	99
3.6.1	Analisis Data Kuantitatif	100
3.6.1.1	Analisis Statistik Deskriptif	100
3.6.1.2	Analisis Statistik Inferensi Parametrik	101
3.6.2	Analisis Data Kualitatif	102
3.6.2.1	Analisis Data Pengamatan	103
3.6.2.2	Analisis Data Temu Bual	104
		108
4	DAPATAN KAJIAN	108
4.1	Pengenalan	110
4.2	Analisis Normaliti	110
4.2.1	Analisis Normaliti KKS Sebelum LI	115
4.2.2	Analisis Normaliti KKS Selepas LI	119
4.3	Analisis Homogeniti	119
4.3.1	Analisis Homogeniti KKS Sebelum LI	120
4.3.2	Analisis Homogeniti KKS Selepas LI	121
4.4	Analisis Item	121
4.4.1	Analisis Item Kognitif	122
4.4.2	Analisis Item Kemahiran	123
4.4.3	Analisis Item Sikap	123
4.5	Taburan Responden	
4.6	Analisis Dapatan Penyelidikan Kognitif, Kemahiran dan Sikap (KKS)	124
4.6.1	Analisis dan Dapatan Penyelidikan Kognitif Sebelum LI	125
4.6.2	Analisis dan Dapatan Penyelidikan Kognitif Selepas LI	127

4.6.3	Perbandingan Penyelidikan Kognitif Sebelum dan Selepas LI	130
4.6.4	Analisis dan Dapatan Penyelidikan Kemahiran Sebelum LI	131
4.6.5	Analisis dan Dapatan Penyelidikan Kemahiran Selepas LI	134
4.6.6	Perbandingan Penyelidikan Kemahiran Sebelum dan Selepas LI	135
4.6.7	Analisis dan Dapatan Penyelidikan Sikap Sebelum LI	137
4.6.8	Analisis dan Dapatan Penyelidikan Sikap Selepas LI	139
4.6.9	Perbandingan Penyelidikan Sikap Sebelum dan Selepas LI	141
4.7	Analisis Perbezaan Kecekapan Pelajar Sebelum dan Selepas LI	143
4.7.1	Analisis Perbezaan Menggunakan Ujian-t	143
4.7.2	Analisis Perbezaaan Menggunakan Anova Satu Hala	146
	4.7.2.1 Analisis perbezaan berdasarkan tempoh masa sebelum LI	146
	4.7.2.2 Analisis perbezaan berdasarkan tempoh masa selepas LI	148
4.7.3	Analisis Perbezaaan Menggunakan Rekabentuk Faktorial	150
	4.7.3.1 Analisis Rekabentuk Faktorial KKS sebelum LI	150
	4.7.3.2 Analisis Rekabentuk Faktorial KKS selepas LI	151
	4.7.3.3 Perbandingan Hasil Analisis Rekabentuk Faktorial	153
4.8	Analisis Dapatan Data Kualitatif	155
4.8.1	Taburan Responden	156
4.8.2	Dapatan Pengamatan	156
4.8.3	Dapatan Temu Bual Dengan Pelajar	157

4.8.4 Dapatan Temubual dengan Guru, Penyelia dan Majikan	168
4.9 Analisis Dapatan Temubual dengan Guru, Penyelia dan Majikan	183
4.10 Kesimpulan	185
5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, DAN CADANGAN	186
5.1 Pengenalan	186
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	188
5.3 Perbincangan	191
5.3.1 Kesan LI Terhadap Pembangunan Kognitif Pelajar Kejuruan	192
5.3.2 Kesan LI Terhadap Pembangunan Kemahiran Pelajar Kejuruan	195
5.3.3 Kesan LI Terhadap Pembangunan Sikap Pelajar Kejuruan	197
5.3.4 Kesan Kepada Pembangunan Pendidikan Kejuruan	200
5.3.5 Pembentukan Kerangka Pembinaan Kecekapan Pelajar	208
5.4 Implikasi	215
5.4.1 Implikasi dari segi Pendidikan	216
5.4.2 Implikasi dari segi Sosial-Kemanusiaan	223
5.4.3 Implikasi dari segi Pembangunan Ekonomi Negara	224
5.4.4 Implikasi dari segi Pembangunan Sumber Manusia	226
5.5 Cadangan Kajian	228
5.5.1 Cadangan Kajian Tindakan	228
5.5.2 Cadangan Kajian Lanjutan	230
5.6 Penutup	231
RUJUKAN	234-253
Lampiran A – D	254-264

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Anggaran Pendidikan Republik Indonesia (Tahun 2005-2010)	8
3.1	Bilangan Minimum Sampel Mengikut Jumlah Pelajar Setiap Sekolah	79
3.2	Susunan item soal selidik	87
3.3	Contoh Senarai Semak Pemerhatian Pelajar	89
3.4	Kesahan item soal selidik	93
3.5	Pengubahsuaian Kenyataan Item Soal Selidik Aspek Kognitif	94
3.6	Pengubahsuaian Kenyataan Item Soal Selidik Aspek Kemahiran	94
3.7	Pengubahsuaian Kenyataan Item Soal Selidik Aspek Sikap	95
3.8	Interpretasi Nilai Alpha Cronbach	96
3.9	Kebolehpercayaan Item Soal Selidik	97
3.10	Analisis data	99
3.11	Penentuan tahap kecekapan pelajar	100
3.12	Contoh Analisis Pengamatan Tiap-Tiap Responden	103
3.13	Borang Contoh Transkripsi	105
3.14	Borang Contoh Pengekodan	106
4.1	Hasil Analisis Normaliti Aspek KKS sebelum LI	111
4.2	Analisis Normaliti Sebelum LI	114
4.3	Hasil Analisis Normaliti KKS Selepas LI	116
4.4	Analisis Normaliti Selepas LI	119
4.5	Hasil Analisis Varians Homogeniti KKS Sebelum LI	120
4.6	Hasil Analisis Varians Homogeniti KKS Selepas LI	120

4.7	Taburan Responden Mengikut Syarikat dan Tempoh Masa	124
4.8	Analisis Dapatan Penyelidikan Kognitif Sebelum LI	126
4.9	Analisis Dapatan Penyelidikan Kognitif Selepas LI	128
4.10	Julat Min Aspek Kognitif Sebelum dan Selepas LI	130
4.11	Analisis Dapatan Penyelidikan Kemahiran Sebelum LI	132
4.12	Analisis Dapatan Penyelidikan Kemahiran Selepas LI	134
4.13	Julat Min Aspek Kemahiran Sebelum dan Selepas LI	136
4.14	Analisis Dapatan Penyelidikan Sikap Sebelum LI	138
4.15	Analisis Dapatan Penyelidikan Sikap Selepas LI	140
4.16	Julat Min Aspek Sikap Sebelum dan Selepas LI	141
4.17	Tahap Kecekapan Pelajar Selepas Latihan Industri	142
4.18	Hasil Ujian-t Aspek KKS Sebelum dan Selepas LI	144
4.19	Hasil Ujian-t Sebelum dan Selepas LI	146
4.20	Perbandingan Tahap Kecekapan Pelajar Sebelum Latihan Industri Berdasarkan Tempoh Masa	147
4.21	Hasil Ujian Bonferroni Untuk Perbezaan Kecekapan Pelajar Sebelum Latihan Industri Berdasarkan Tempoh Masa	147
4.22	Perbandingan Tahap Kecekapan Pelajar Selepas Latihan Industri Berdasarkan Tempoh Masa	149
4.23	Hasil Ujian Bonferroni Untuk Perbezaan Kecekapan Pelajar Selepas LI Berdasarkan Tempoh Masa	149
4.24	Hasil Ujian Andaian Homogeniti KKS Sebelum LI	150
4.25	Dapatan Analisis Rekabentuk Faktorial terhadap KKS Sebelum LI	151
4.26	Hasil Ujian Andaian Homogeniti KKS Selepas LI	152
4.27	Dapatan Analisis Rekabentuk Faktorial terhadap KKS Selepas LI	152
4.28	Perbandingan Min Tempoh Masa LI Berdasarkan Syarikat	154
4.29	Dapatan Pengamatan	157
4.30	Petikan Temubual Pelajar Berkaitan Konsepsi LI	161
4.31	Petikan Temubual Pelajar Berkaitan Perlaksanaan Latihan Industri	163

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH SURAT\	TAJUK	MUKA
1.1	Kerangka Teori Kajian	26
1.2	Kerangka Konsep Kajian	28
3.1	Fasa Pengumpulan Data	76
3.2	Rekabentuk kajian berdasarkan Strategi Trianggulasi	77
3.3	Pembahagian Cara Menilai Tahap Kecekapan	84
4.1	Dimensi Keselarian Kecekapan Dengan Kerja-Kerja Industri Berdasarkan Pelajar	167
4.2	Dimensi Keselarian Kecekapan Dengan Kerja-Kerja Industri Berdasarkan Guru, Penyelia dan Majikan	182
5.1	Kerangka Pembinaan Kecekapan Pelajar SMK	214
5.2	Sistem Perlaksanaan Pendidikan SMK	222

SENARAI GRAF

NO. GRAF SURAT	TAJUK	MUKA
4.1	Plot Normaliti KKS Sebelum LI di PT Toyota	112
4.2	Plot Normaliti KKS Sebelum LI di PT Suzuki	114
4.3	Plot Normaliti KKS Selepas LI di PT Toyota	117
4.4	Plot Normaliti KKS Selepas LI di PT Suzuki	118
4.5	Perbandingan Bilangan Responden	124
4.6	Perbandingan Min Aspek Kognitif Sebelum LI	126
4.7	Perbandingan Min Aspek Kognitif Selepas LI	128
4.8	Perbandingan Min Aspek Kognitif	131
4.9	Perbandingan Min Aspek Kemahiran Sebelum LI	133
4.10	Perbandingan Min Aspek Kemahiran Selepas LI	135
4.11	Perbandingan Min Aspek Kemahiran	136
4.12	Perbandingan Min Aspek Sikap Sebelum LI	138
4.13	Perbandingan Min Aspek Sikap Selepas LI	140
4.14	Perbandingan Min Aspek Sikap	142
4.15	Perbandingan Tahap Kecekapan Pelajar	143
4.16	Interaksi Tempoh Masa dan Syarikat terhadap KKS Sebelum LI	151
4.17	Interaksi Tempoh Masa dan Syarikat terhadap KKS Selepas LI	153
4.18	Perbandingan Min Tempoh Masa LI Berdasarkan Syarikat	155

SENARAI SINGKATAN

AMOS	-	Analysis of Moment Structures
ANOVA	-	Analysis of Variance
BPS	-	Biro Pusat Statistik
DEPDIKBUD	-	Departemen Pendidikan dan Kebudayaan
DEPDIKNAS	-	Departemen Pendidikan Nasional
DIKMENJUR	-	Direktorat Menengah Kejuruan
KEMDIKBUD	-	Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
KEMDIKNAS	-	Kementerian Pendidikan Nasional
LI	-	Latihan Industri
MANDIKDASMEN	-	Manajemen Pendidikan Dasar dan Menengah
MAK	-	Madrasah Aliyah Kejuruan
PT	-	Perseroan Terbatas
PUSKUR	-	Pusat Kurikulum
SEM	-	Structural Equation Model
SKKA	-	Sekolah Kesejahteraan Keluarga Atas
SKKP	-	Sekolah Kesejahteraan Keluarga Pertama
SKS	-	Sekolah Kesejahteraan Sosial
SMEP	-	Sekolah Menengah Ekonomi Pertama
SMK	-	Sekolah Menengah Kejuruan
SMKN	-	Sekolah Menengah Kejuruan Negeri
SMKS	-	Sekolah Menengah Kejuruan Swasta
SMP	-	Sekolah Menengah Pertama
ST	-	Sekolah Teknik
STM	-	Sekolah Teknik Menengah
SPSS	-	Statistical Paackage for Social Sciense
KKS	-	Kognitif, Kemahiran dan Sikap
UU	-	Undang-Undang
UUSPN	-	Undang-Undang Sistem Pendidikan Nasional

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Pengesahan Instrumen Kajian	254
B	Soal Selidik Pelajar	255
C	Senarai Semak Pemerhatian Untuk Pelajar di Latitihan Industri	261
D	Panduan Protokol Temubual Bagi Pelajar, Guru, Penyelia dan Majikan	263

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi sebuah negara. Pendidikan adalah asas daripada pembangunan bangsa dan negara yang bersatu padu. Ianya dapat memberi peluang kepada peningkatan kualiti hidup individu dengan melahirkan generasi yang mempunyai kecekapan yang dapat menyokong ke arah pembangunan negara. Pendidikan merujuk kepada setiap pengalaman pembelajaran yang berlaku di persekitaran dan dapat mempengaruhi kehidupan individu seumur hidup (Redja, 2001). Menurut Freire (2000), pendidikan merupakan suatu kaedah untuk melakukan perubahan secara berkekalan. Pendidikan adalah proses mendidik yang digunakan untuk meluaskan pengetahuan, kemahiran, sikap dan kebolehan (Mohamad Najib, 2010; Popham, 2010). Pendidikan juga merujuk kepada keupayaan untuk memperbaiki budi pekerti, fikiran dan jasmani pelajar agar dapat memenuhi kesempurnaan kehidupan pelajar yang selaras dengan kehendak alam dan masyarakat (Ki Hajar Dewantara, 1950). Undang-undang Sistem Pendidikan Nasional Republik Indonesia nombor 2 tahun 1989 (Depdikbud, 1989) mendefinisikan pendidikan sebagai pembangunan peranan pelajar pada masa hadapan melalui aktiviti bimbingan, pengajaran dan latihan. Manakala, Undang-undang Sistem Pendidikan Nasional Republik Indonesia nombor 20 tahun 2003 (Depdiknas, 2003) mentakrifkan pendidikan sebagai suatu usaha sedar dan terancang bagi mewujudkan suasana pembelajaran dan proses pembelajaran supaya pelajar dapat membentuk potensi dirinya secara aktif melalui kekuatan spiritual, keagamaan, pengendalian diri, keperibadian, kecerdasan, akhlak mulia dan keterampilan yang diperlukan oleh dirinya dan masyarakat.

Walaupun definisi yang dihuraikan di atas berbeza antara satu sama lain, namun secara umumnya pendidikan dianggap sebagai satu bentuk falsafah yang mulia. Prinsip asas pendidikan adalah untuk memanusiakan manusia atau mensejahterakan dan meningkatkan martabat manusia (Freire; 2000; Illich, 2003; Nurani. 2008; Prayitno, 2009). Ini bermakna, pendidikan adalah suatu proses bagi melahirkan manusia yang seimbang dari segi intelektual, spiritual dan emosi, supaya mereka dapat menjadi modal insan yang bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, bangsa dan negara. Modal insan yang dihasilkan perlu bertindak sebagai individu yang cekap, progresif dan produktif bagi meningkatkan taraf hidup diri sendiri dan menyokong pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi negara (Abin, 2003; Greene, 2006; Levinson dan Sadovnik, 2002).

Secara umumnya, pendidikan di Indonesia boleh dibahagikan kepada tiga bentuk yang utama iaitu pendidikan formal, pendidikan bukan formal dan pendidikan tidak formal (Depdiknas, 2003; Fasli dan Sarjunamin, 2005). Pendidikan tidak formal merujuk kepada pendidikan yang diperoleh daripada ahli keluarga dan ianya terbatas kepada pembelajaran tentang ilmu untuk berdikari yang dilakukan secara sedar dan bertanggungjawab. Pendidikan bukan formal ramai diwujudkan pada masa kini. Pendidikan asas yang dikenali sebagai Taman Pendidikan Al-Quran adalah satu daripada bahagian pendidikan bukan formal. Pendidikan formal pula merujuk kepada pendidikan yang dilaksanakan di sekolah dan mempunyai peringkat pendidikan yang jelas iaitu peringkat pendidikan asas, pendidikan menengah dan pendidikan tinggi (Dadang, 2008; Fasli dan Sarjunamin, 2005).

Pendidikan kebangsaan di Indonesia disusun berdasarkan paradigm untuk membangun masyarakat Indonesia secara menyeluruh iaitu dari segi membangunkan potensi dan memanusiakan pelajar secara optimum (Depdiknas, 2003; Fasli dan Sarjunamin, 2005). Potensi manusia yang dibangunkan terbahagi kepada tiga aspek yang utama iaitu aspek afektif (sikap), kognitif (pengetahuan) dan kemahiran (psikomotorik) (Bloom, 1956). Aspek sikap merujuk kepada aspek keimanan, ketakwaan, akhlak mulia, keluhuran budi pekerti, keperibadian unggul dan estetik. Aspek kognitif pula merujuk kepada keupayaan pemikiran dan daya intelektual bagi menjelajah, membangun dan menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi. Manakala, aspek kemahiran merujuk kepada kemampuan untuk membangunkan kemahiran teknikal, kecekapan praktikal dan kecekapan kinestetik. Ketiga-tiga domain ini perlu dimiliki oleh pelajar supaya hasil pendidikan yang berkualiti dapat diperoleh (Amer, 2006; Bloom, 1956; Drost, 1998; Paul, 2001).

Bagi memenuhi aspek-aspek tersebut, maka pendidikan vokasional peringkat Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) adalah antara peringkat pendidikan yang perlu diberikan perhatian yang khusus. Ini kerana ianya dijangka mampu menjana tenaga kerja peringkat menengah untuk bekerja secara langsung dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi bangsa. Pendidikan kejuruan di Indonesia telah dimulakan oleh pihak swasta sejak tahun 1853 dan dikenali dengan nama Ambacht School yang terletak di Soerabaia. Tujuan pembinaannya adalah untuk memberikan pendidikan kepada golongan orang yang berketurunan Eropah iaitu orang miskin Belanda yang tinggal di Hindia Timur (Balitbang Dikbud, 1997; Rifa'i, 2011; Slamet, 1987; Sumarsono, 1986; Sunaryo dan Dedi 2002).

SMK adalah satu jalur pendidikan yang dijangka menyediakan pelajar untuk bekerja secara langsung dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mantap (Aburizal, 1996; Sunaryo dan Dedi, 2002; Stone, Kowske dan Alfred, 2004; Suyanto, 2008). Oleh itu, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia pada tahun 1983/1984 telah mengeluarkan polisi perlaksanaan iaitu SMK dijalankan melalui program Pendidikan Sistem Ganda atau PSG (Wardiman, 1999). Ianya mencadangkan perlaksanaan pendidikan SMK adalah perlu dilakukan di dua tempat secara serentak, iaitu sekolah dan syarikat sebagai tempat latihan industri atau perantisan (Aburizal, 1996; Deissinger, 2005; Depdiknas, 2001; Gohringer, 2002; Ivan, Ab. Rahim, Ramlah dan Rosaini, 2008; Suyanto, 2008; Tatang, 2005).

Satu bahagian daripada program PSG adalah latihan industri (LI) yang digunakan untuk memperkembang kecekapan pelajar terutamanya meningkatkan kemampuan pelajar dari segi pengetahuan atau kognitif, kemahiran dan sikap (Deissinger, 2005; Dwi, 1996; Göhringer, 2002; Hippach dan Krause, 2007; Jianchu dan Shuo, 2011). Matlamat daripada LI adalah menyediakan pelajar bagi menceburi bidang pekerjaan, memperkembang sikap profesional untuk menjadi tenaga kerja peringkat menengah bagi mengisi keperluan syarikat perniagaan dan industri masa kini dan masa hadapan (Junaidah, 2001; Mohd. Nizam, Mohd. Zaidi, Norhisham, Kamaruzaman, Siti Aminah dan Zuhairusse, 2009; Sariwati, 2005). LI telah menjadi satu tumpuan utama daripada pihak kerajaan bagi mengelakkan berlakunya pengangguran dan menyokong pembangunan ekonomi negara (Ballot, Fakhfakh dan Taymaz, 2006; Cawley, 2007; UNESCO dan ILO, 2002).

Terdapat kepentingan untuk menghubungkan sekolah dengan industri terutamanya yang berkaitan dengan konteks penyediaan pelajar SMK berdasarkan bidang pekerjaan

(Abou, Tudolf dan Ali, 2008). Bagi mencapai objektif SMK, maka pelajar perlu didedahkan dengan aspek kognitif, kemahiran dan sikap yang mesti mereka pupuk ketika mereka berada di sekolah dan industri. Antara bidang kursus di SMK yang ramai menjadi pilihan pelajar adalah automotif. Ini kerana, bidang industri automotif sentiasa mengalami peningkatan yang amat pesat dari segi bilangan. Selaras dengan situasi ini, pelajar SMK perlu mempunyai kesediaan dan keyakinan diri yang tinggi terutamanya untuk menceburkan diri secara langsung ke dalam bidang pekerjaan (Suyanto, 2008). Walaubagaimanapun, bagi graduan SMK yang telah meninggalkan alam persekolahan didapati mengalami kesukaran untuk melangkah terus ke dalam bidang pekerjaan. Apabila program LI telah dianggap penting bagi SMK, maka ianya perlu diberikan perhatian khusus supaya dapat menyediakan pelajar yang bersedia menceburi alam pekerjaan. Ini bermakna bahawa LI bagi pelajar mestilah mampu memperdalam dan memperluaskan penguasaan kemampuan profesional yang memberi kesan kepada suasana bekerja dan bermakna dalam situasi sebenar (Sariwati, 2005; Ballot, Fakhfakh dan Taymaz, 2006; Cawley, 2007; Junaidah, 2001; Mohd. Nizam, et al., 2009).

Justeru itu, kajian ini mengkaji tahap kognitif, kemahiran dan sikap sebelum dan selepas LI pelajar di SMK. Selain itu, kajian ini menentukan perbezaan kognitif, kemahiran dan sikap semasa LI. Seterusnya, ianya juga mengenalpasti keselarian tahap kognitif, kemahiran dan sikap pelajar yang diperoleh melalui LI untuk kerja-kerja industri berdasarkan persepsi guru SMK, penyelia dan majikan. Akhir sekali, ianya diharapkan dapat memberi cadangan kepada program LI dalam pembinaan kecekapan graduan SMK yang sesuai dengan keperluan industri.

1.2 Latar belakang Masalah

Wawasan kebangsaan Negara Republik Indonesia tahun 2025 adalah Indonesia yang berdikari, maju, adil dan makmur dengan mewujudkan bangsa yang berdaya saing (RPJMN, 2007). Seterusnya, dinyatakan bahawa kemampuan bangsa yang berdaya saing tinggi adalah kunci kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa iaitu menjadikan Indonesia sebagai negara yang bersedia menghadapi cabaran global dan memanfaatkan setiap peluang yang wujud. Bagi memperkasa daya saing bangsa, pembangunan nasional dikhurasukan kepada pembangunan pendidikan melalui sumber manusia yang berdaya saing, memperkuat ekonomi domestik dalam usaha untuk menuju keunggulan yang

kompetitif, penguasaan aplikasi dan pembangunan pengetahuan, membangunkan infrastruktur dan melakukan reformasi dalam bidang hukum dan staf kerajaan (RPJMN, 2007). Aspek utama daripada wawasan 2025 tersebut adalah pembangunan sumber manusia yang berdaya saing (RPJMN, 2007). Pembangunan sumber manusia mempunyai peranan yang sangat penting dalam mewujudkan rakyat Indonesia yang maju dan berdikari supaya memiliki daya saing yang tinggi dalam era globalisasi. Pembangunan sumber manusia boleh ditakrifkan sebagai aktiviti yang dijalankan untuk mempertingkat produktiviti staf agar dapat menjadi sumber modal atau kapital yang diharapkan (Bradley, Petrescu dan Simmons, 2004; ILO, 2004; Mohamad Najib, 2010). Ketidakseimbangan pembangunan sumber manusia mesti dinisbahkan. Ini kerana pembangunan sumber manusia adalah suatu rujukan utama yang penting. Ianya dapat digunakan sebagai suatu kaedah untuk membuka pilihan dan peluang bagi menentukan kehidupan manusia secara bebas (Hashim, 2000; UNDP, 2007).

Terdapat tiga bentuk utama yang boleh digunakan untuk menentukan pembangunan sumber manusia iaitu pembangunan pendidikan, pembangunan kesihatan dan pembangunan ekonomi. Ketiga-tiga komponen tersebut berkait rapat dengan kecekapan manusia yang diperoleh berdasarkan peningkatan kognitif, kemahiran dan sikap. Penyediaan sumber manusia yang cekap perlu diteruskan bagi membolehkan persaingan di peringkat global boleh dilakukan (Moodie, 2002; Lee, 2004). Ianya dapat mempengaruhi martabat pertumbuhan ekonomi dari segi kehidupan manusia dan digunakan untuk mencapai kehidupan yang lebih baik (Heryanto, 2000; Perry dan Sherlock, 2008).

Pelaburan yang paling utama bagi meningkatkan kualiti sumber manusia adalah pembangunan pendidikan (RPJMN, 2007). Pembangunan pendidikan digunakan bagi mewujudkan masyarakat yang bernilai, bermartabat, berakhhlak mulia dan menghargai kepelbagaiannya norma kehidupan tanpa wujudnya sebarang perbezaan antara satu sama lain. Kerajaan berkomitmen terhadap pendidikan yang boleh direalisasikan melalui polisi bajet yang menghubungkan setiap bentuk pengkhususan dan peringkat pendidikan sedia ada. Tujuan utama pembangunan pendidikan adalah untuk mempertingkat kualiti sumber manusia, kualiti ilmu pengetahuan dan teknologi (RPJMN, 2007).

Pelaburan sumber manusia melalui pendidikan di sesebuah negara sangat diperlukan. Pelaburan yang bermakna kepada bajet yang dikeluarkan dan kesempatan memperolehi hasil daripada proses pelaburan serta berperanan bagi pertumbuhan ekonomi

negara (Nanang, 2004). Pelaburan dalam bidang pendidikan adalah pelaburan jangka panjang secara makro yang faedahnya hanya dapat diperoleh dalam tempoh masa yang panjang. Pelaburan dalam bidang pendidikan boleh dilakukan dalam bentuk pengadaan dan penambahbaikan infrastruktur sekolah seperti bangunan sekolah, makmal, perpustakaan dan lainnya. Pelaburan boleh dalam bidang pendidikan dapat dilakukan melalui pendidikan dan latihan guru, pentadbir dan pelajar. Bajet yang dikeluarkan kepada individu supaya dapat memberi kesan yang lebih besar jika dibandingkan dengan bajet yang telah dikeluarkan dikenali sebagai pelaburan modal insan (Becker, 1994).

Pada masa kini, pendidikan telah beralih arah dengan hanya mementingkan pembangunan pelajar dari segi kemampuan ilmu pengetahuan dan teknologi (Illich, 2003; Paul, 2001). Keadaan ini secara langsung telah mengakibatkan beban pengajaran hanya tertumpu kepada penguasaan bidang tersebut. Pendidikan yang dilaksanakan adalah untuk menjadikan manusia sebagai penyelesai masalah. Proses pendidikan menjadi lebih berfaedah apabila ianya dapat membebaskan masyarakat yang terlalu taksub dengan bentuk sekolah tertentu (Illich, 2003). Kebajikan dan kemuliaan seseorang manusia boleh diukur melalui kadar dan kesepadan diantara rohani dan rasional (Abin, 2003; Drost, 1998; Fasli dan Dedi, 2001; Greene, 2006; Levinson dan Sadovnik, 2002; Prayitno, 2009; Tilaar, 2003). Keadaan sebenar telah membuktikan bahawa pendidikan di sekolah berfungsi untuk memindahkan pengetahuan dan nilai kepada pelajar (Drost, 1998; Paul, 2001).

Pembangunan pendidikan nasional pula ditujukan kepada pertumbuhan kebanggaan kebangsaan, akhlak mulia serta kemampuan pelajar dalam persekitaran kehidupan masyarakat yang berbeza (UUSPN, 2003). Bagi mencapai tujuan tersebut, kerajaan menyediakan pendidikan sepanjang hayat sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Ianya bertujuan mempertingkat kualiti hidup dan produktiviti masyarakat dengan membekalkan kognitif, kemahiran dan sikap bagi golongan belia yang bilangannya semakin bertambah (UUSPN, 2003). Bagi mencapai tujuan pertumbuhan ekonomi yang berterusan, peringkat sekolah menengah kejuruan yang berkualiti, berpatutan dan sesuai dengan keperluan pembangunan sosial ekonomi pada masa hadapan perlu dibangunkan (Bambang, 2008; Suyanto, 2008).

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, negara mesti sentiasa menyediakan tenaga kerja berwibawa yang berbekalkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang termasuklah sains dan teknologi (Becker, 1994). Modal insan yang diperlukan adalah individu yang

beriman, bertaqwa, berakhhlak mulia, sihat, berilmu pengetahuan, memiliki kecekapan, kreatif, berdikari, demokrasi dan bertanggungjawab (RPJMN, 2007). Proses penambahbaikan sistem yang sedia ada diperlukan dan berfokuskan kepada pelajar secara berterusan. Proses penambahbaikan yang perlu dilakukan iaitu dari segi proses perancangan pendidikan, proses perlaksanaan, proses penilaian dan tindakan lanjut kepada graduan daripada suatu sistem pendidikan yang wujud (Chabbott dan Ramirez, 2000; Kerckhoff, 2000; Wardiman, 1999).

Penambahbaikan samaada dari segi sistem mahupun model pendidikan SMK mesti dilakukan secara berterusan bagi memenuhi kehendak dan tuntutan syarikat perniagaan dan industri yang selari dengan kehendak pekerjaan. Kecekapan pelajar mesti selari dengan keperluan industri dan bersesuaian dengan teknologi yang terkini (Fitriehara, 2009; Mndebele dan Mkhwel, 2006). Penyesuaian secara berterusan sangat penting mengikut perkembangan global yang sentiasa berubah. Penambahbaikan serta penyesuaian sistem dan model pendidikan dengan keadaan semasa yang berlaku membantu dalam memodenkan negara Indonesia. Selain itu, ianya juga boleh menyokong dalam mencapai wawasan 2025 yang telah dirancang oleh kerajaan.

Proses penambahbaikan terhadap sistem pendidikan dan latihan yang berkualiti dan selaras dengan keperluan semasa sangat diperlukan bagi memperkasakan sekolah sebagai usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara (Aburizal, 1996; Ace, 1996; Arief, 2010). Ianya dapat dilakukan dengan mempertingkatkan kualiti guru, pembelajaran dan pengajaran dan infrastruktur sekolah. Anwar (2006) menyarankan agar menyediakan banyak peluang kepada pendidikan dan latihan sepanjang hayat di semua peringkat termasuklah sekolah-sekolah bertaraf antarabangsa. Sistem pendidikan itu pula perlu dibangunkan agar boleh membina pelajar yang kreatif, inovatif, berpengetahuan, memiliki keupayaan sains dan teknologi dan memperkuuhkan masyarakat yang mempunyai pandangan progresif, berprestasi dan memiliki sistem nilai murni dengan menghargai budaya. Bjork (2005; 2006) menegaskan bahawa ianya dapat dilakukan dengan memperluaskan dan mempermekarkan forum perbincangan dan sokongan daripada sektor swasta, masyarakat dan ibu bapa kepada kerajaan dalam membangunkan modal insan.

Bagi membangunkan modal insan melalui pendidikan setiap tahun, kerajaan sentiasa mempertingkatkan bajet pendidikan. Ianya dilakukan kerana dipercayai bahawa pendidikan adalah sesbuah pelaburan berjangka masa yang panjang bagi memberi kesejahteraan masyarakat pada masa hadapan. Di Indonesia, data asas Anggaran

Pendapatan dan Belanja Negara (APBN) yang dikeluarkan oleh Kementerian Keuangan Republik Indonesia tahun anggaran 2010 memperlihatkan peningkatan bajet yang besar setiap tahunnya. Pada tahun 2005, jumlah bajet yang dikeluarkan kerajaan ialah Rp. 29,307.9 bilion dan bajet pendidikan menengah ialah Rp. 3,963 bilion. Pada tahun 2006, bajet yang dikeluarkan kerajaan telah meningkat kepada Rp. 45,303.9 bilion dan bajet pendidikan menengah telah meningkat kepada Rp. 4,703.9 bilion. Seterusnya, jumlah bajet pendidikan turut meningkat kepada Rp. 50,843.4 bilion dan bajet pendidikan menengah Rp. 4,118.3 bilion pada tahun 2007. Peningkatan juga turut berlaku kepada jumlah bajet pendidikan pada tahun 2008 sebanyak Rp. 55,298.0 bilion. Manakala, bajet pendidikan menengah Rp. 3,842.7 bilion. Pada tahun 2009, kerajaan tetap menambah jumlah bajet pendidikan kepada Rp. 89,918.1 bilion dan untuk pendidikan menengah kepada Rp. 7,660.5 bilion. Akhir sekali, data daripada tahun 2010 menunjukkan bahawa jumlah bajet pendidikan mengalami penurunan kepada Rp. 77,401.7 bilion dan bajet pendidikan menengah juga menurun kepada Rp. 5,542.8 bilion yang disebabkan oleh penyesuaian situasi ekonomi negara yang berlaku pada masa itu (Kemenkeu, 2010). Keadaan jumlah bajet pendidikan dan bajet pendidikan menengah yang dianggarkan kerajaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1:

Jadual 1.1: Bajet Pendidikan Republik Indonesia (Tahun 2005-2010)

Bil	Tahun	jumlah Bajet (Rp)*	Bajet Pendidikan Menengah (Rp)*
1	2005	29.307,9	3.963,0
2	2006	45.303,9	4.703,9
3	2007	50.843,4	4.118,3
4	2008	55.298,0	3.842,7
5	2009	89.918,1	7.660,5
6	2010	77.401,7	5.423,8
Daripada : Data Pokok APBN 2005–2010, Departemen Keuangan RI *) Anggaran dalam billion			

Bajet pendidikan tersebut memberi penerangan bahawa pelaburan pendidikan bagi meningkatkan kualiti sumber manusia sangatlah besar. Bajet ini diagihkan kerajaan pusat kepada daerah berdasarkan konsep desentralisasi pendidikan, iaitu peralihan kuasa dari kerajaan pusat kepada kuasa kerajaan di daerah. Ianya membuka peluang kepada sekolah

untuk membuat perancangan, memperkembangkan dan menilai sendiri perlaksanaan pendidikan yang dijalankan (Chan dan Tuti, 2010). Selari dengan itu, Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) dapat membina model pengajaran dan pembelajaran dengan tetap merujuk kepada pola hubung dan padan yang menyesuaikan program Pendidikan Sistem Ganda (PSG) sebagai pola programnya (Depdikbud, 1994; Wardiman, 1999).

Hubung dan padan adalah asas kepada perlaksanaan Program Pendidikan Sistem Ganda (PSG) (Ace, 1996; Mardi, 1997; Mamiek, 1997; Depdiknas, 2001). Ianya adalah bentuk perlaksanaan pendidikan kepakaran profesional yang menyepadukan secara sistematis program pendidikan di sekolah dan program penguasaan kepakaran yang diperolehi melalui kegiatan bekerja dalam situasi sebenar secara terarah untuk mencapai tahap kepakaran profesional tertentu (Depdikbud, 1997; Deissinger, 2005; Göhringer, 2002; Mulyati, 2008; Tatang, 2005; Wahyu, 2008; Wardiman, 1999). Ini bermakna bahawa PSG adalah istilah pendidikan yang dilaksanakan di sekolah dan institusi sebagai rakan kongsi. Rakan kongsi merujuk kepada syarikat perniagaan dan industri yang menjadi tempat latihan praktikal atau perintisan bagi pelajar SMK yang diasaskan melalui program kerjasama (Aburizal, 1996; Depdikbud, 1997; Majumdar, 2008; Pardjono, 2011; Wardiman, 1999).

SMK diberi mandat oleh kerajaan sebagai sebuah institusi yang mengeluarkan atau mendidik pelajar yang telah bersedia untuk bekerja seperti yang diterangkan di dalam Sistem Pendidikan Nasional Republik Indonesia (Depdiknas, 2003). Oleh itu, SMK mestilah bersifat fleksibel, terbuka dan adaptif dengan dunia pekerjaan (Chabbott dan Ramirez, 2000; Kerckhoff, 2000; Wardiman, 1999). Ianya bukan sahaja digunakan oleh institusi pengajian ilmu pengetahuan, tetapi juga sebagai institusi pendidikan dan latihan (Bambang, 2008; Suyanto, 2008; Wardiman, 1999). Keadaan ini dapat memberi peluang pengajaran tentang kemahiran hidup berdasarkan kaedah pendidikan dan pengetahuan tentang peralatan industri (Anwar, 2006; Bambang, 2008; Suyanto, 2008). Peningkatan bilangan graduan dengan kemahiran yang tinggi dapat menyokong pengusaha dalam memperkembangkan industri mereka (Jenis dan Johnson, 2004; Lee, 2004; Shu, 2009; Tatang, 2005). Dalam perlaksanaan pendidikan SMK, sistem latihan yang digunakan mempunyai peranan yang penting untuk memenuhi keperluan industri bagi menyediakan tenaga kerja mahir (Ab. Rahim dan Ivan, 2007; Ace, 1996; Depdiknas, 2001; Dunlop, Trevor dan Chalis, 1999; Mamiek, 1997; Mardi, 1997; Tovey dan Loawlor, 2008).

Model pembangunan SMK sepatutnya selari dengan keperluan peruntukan tempatan dari segi kualiti dan kesesuaian (Dwi, 1996; Mardi, 1997; Suyanto, 2008; Tilak, 2002; UNESCO dan ILO, 2002). Oleh itu, ianya harus dapat menghuraikan dan memberikan ilmu pengetahuan kepada pelajar tentang keperluan dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan perniagaan, industri dan urus tadbir kehidupan masyarakat (Ace, 1996; Heryanto, 2000; Majumdar, 2008; Mamiek, 1997; Mardi, 1997). SMK mesti dapat menyelesaikan cabaran perindustrian yang merupakan satu daripada bentuk haluan dunia (Malamud, 2006; Suyanto, 2008; Tovey dan Loawlor, 2008). Ini bermakna peningkatan pengetahuan berpengaruh kepada peningkatan kemahiran pelajar yang untuk memperolehi pekerjaan yang baik samaada di dalam maupun di luar negara (Depdiknas, 2001; Lee, 2004; Nurita, Fatimah dan Hanifah, 2010; Stone, Kowske dan Alfeld, 2004; Tatang, 2005).

Peringkat pendidikan SMK mencadangkan program pendidikan dalam tempoh masa 3 tahun. Puskur (2008) bahawa dalam tiga semester awal, pelajar SMK didedahkan dengan kumpulan subjek normatif atau pengetahuan umum iaitu mata pelajaran Pendidikan Pancasila dan Kewarganegaraan, Pendidikan Agama, Bahasa dan Sastera Indonesia, Sejarah Nasional dan Sejarah Umum. Seterusnya, pelajar SMK juga didedahkan kepada kumpulan subjek adaptif atau pengetahuan asas iaitu mata pelajaran Metematik, Bahasa Inggeris, Biologi, Fizik dan Kimia. Pembelajaran dan pengajaran tentang teori-teori kejuruan untuk memberi pengetahuan teknik berdasarkan kepakaran teori asas daripada kursus yang diceburi. Secara umumnya, di semester ke-4 tingkatan dua, pelajar melaksanakan latihan industri (LI) di syarikat bersesuaian dengan kursus yang diikuti dalam tempoh masa 3 bulan, 4 bulan sehingga 6 bulan. Selepas itu, pelajar kembali mengikuti pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Pada masa ini, pelajar didedahkan dengan kumpulan subjek normatif, adaptif dan teori-teori daripada amalan yang belum diperolehi di industri apabila kembali ke sekolah dalam tingkatan 12 bagi menyediakan diri sebelum mengikuti peperiksaan akhir.

Seterusnya, sistem pendidikan kejuruan yang dibangunkan mestilah sesuai dengan permintaan syarikat perniagaan dan industri yang memerlukan tenaga kerja mahir (Bambang, 2008; Suyanto, 2008). Oleh itu, pembelajaran dan pengajaran tentang tugas-tugas yang berkaitan dengan perniagaan, industri dan keusahawanan agar aset ekonomi boleh digunakan secara menyeluruh. Apabila setiap pelajar mempunyai kecekapan yang berkualiti, maka ianya dapat menjadi aset ekonomi yang sangat penting (Aburizal, 1996; Olaniyan dan Okemakinde, 2008; Ramlee dan Ramziah, 2002). Perkara inilah yang

menjadi perbezaan yang sangat ketara diantara SMK dengan pendidikan umum iaitu dari segi kriteria pendidikan, kepentingan pelajaran dan kelulusan (Dikmenjur, 2008; Suyanto, 2008). Bagi memperolehi hasil yang baik, sangat diperlukan untuk mempertingkatkan pemahaman teknologi dan aplikasi ilmu pengetahuan pelajar (McGarth, 2002; Olugbenga, 2009). Bahkan, sebahagian daripada sistem pendidikan di Eropah menekankan kepada pendidikan kejuruan bagi menghasilkan tenaga kerja yang mahir (Boud dan Solomon, 2008; Conti, 2005; Dearden, Reed dan van Reenen, 2006; Deissinger, 2005; Dikmenjur, 2008).

Hubungan dan kerjasama di antara pihak sekolah dengan syarikat perniagaan dan industri dalam melibatkan diri sebagai pelaksana PSG perlu diberikan perhatian secara khusus (Heryanto, 2000), ianya juga perlu sentiasa dipertingkatkan bagi memperkembangkan tahap kecekapan pelajar (Arief, 2010; Pardjono, 2011). Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan yang dihadapi oleh pihak sekolah. Ini kerana terdapat beberapa syarikat dan industri yang tidak bersedia untuk memberikan kerjasama seperti yang diharapkan (Arief, 2010). Keadaan berterusan yang ketara di antara penglibatan industri dalam program PSG dan pendidikan di SMK sangat diperlukan. Peranan yang dimainkan oleh industri merupakan corak utama yang perlu disampaikan sebagai suatu bentuk pengetahuan di sekolah (Pardjono, 2011; Wardiman, 1999). Sekolah harus memilih industri yang sesuai dengan program kepakaran yang sedia ada. Bagi mewujudkan hubungan yang harmoni di antara sekolah dan industri sebagai rakan kongsi, maka kesefahaman dalam bentuk perjanjian diperlukan bagi memberikan kefahaman tentang tugas, kuasa dan tanggungjawab masing-masing (Deissinger, 2005; Gohringer, 2002). Ini memberi penerangan bahawa program PSG di SMK mesti dijalankan secara bersama dengan industri yang menjadi rakan kongsi dalam melakukan perancangan, perlaksanaan proses pembelajaran yang sesuai, penilaian, pengambilan dan penempatan pekerja (Depdiknas, 2001; Dikmenjur, 2008; Pardjono, 2011; Suyanto, 2008; Tatang, 2005; Wardiman, 1999).

Antara konsep pembelajaran dan pengajaran di SMK adalah latihan industri (LI).. LI memberi tumpuan kepada situasi kerja sebenar yang fokus utamanya adalah peningkatan kualiti kecekapan pelajar dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dapat diukur melalui hasil pembelajaran (Boud dan Solomon, 2008; Depdiknas, 2001; Trippelt dan Amoros, 2003). Pembelajaran melalui latihan industri merujuk kepada penyediaan pengalaman kerja yang boleh diguna pelajar untuk mengenalpasti kewujudan kerja sebenar (Dunlop, Trevor dan Challis, 1999; Tovey dan Loawlor, 2008). Ianya sesuai

dengan matlamat pendidikan kejuruan iaitu untuk mempertingkatkan kecerdasan, pengetahuan, personaliti, watak, dan kemahiran hidup seseorang pelajar (Abdullah, 2011; Depdiknas, 2001). Seseorang pelajar dikatakan telah mempunyai kecekapan jika mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran dari segi merancang dan mengatur kerja serta menyelesaikan masalah yang timbul dalam kerja-kerja yang dilakukan (Selvy, 2010; Suyanto, 2008; Tovey dan Loawlor, 2008; Wardiman, 1999).

Pendidikan dan latihan kejuruan di industri perlu dilakukan mengikut program kecekapan yang dipilih oleh pelajar dan memberi bentuk-bentuk pengetahuan serta kemahiran yang mempengaruhi struktur pasaran, inovasi teknologi dan kaedah baru dengan menyesuaikan keperluan pasaran kerja (Cleary, Flynn dan Thommason, 2006; Oni, 2007; Tovey dan Lawlor, 2008; Tripplet dan Amoros, 2003). Seterusnya dikatakan bahawa terdapat tiga bentuk kecekapan yang mesti dimiliki oleh pelajar selepas menjalakan program latihan industri iaitu pengetahuan atau kognitif, kemahiran dan sikap (Cleary, Flynn dan Thomasson, 2006; Tovey dan Lawlor, 2008).

Aspek kecekapan pelajar yang pertama adalah aspek kognitif yang diperolehi semasa mengikuti proses pendidikan. Kognitif adalah hasil pembelajaran yang diperoleh melalui penggunaan pancaindera terhadap suatu objek tertentu iaitu penglihatan, pendengaran, sentuhan dan rasa (Soekidjo, 2003). Kognitif pada dasarnya dapat diperolehi melalui tiga bentuk pendidikan yang utama iaitu pendidikan formal, pendidikan bukan formal dan pendidikan tidak formal (Depdiknas, 2001; Drost, 1998; Prayitno, 2009; Redja, 2001; Suharsimi, 2010). Kognitif seseorang tentang suatu objek terbahagi kepada dua aspek yang utama iaitu pengetahuan positif dan pengetahuan negatif. Kedua-dua aspek ini dapat menentukan sikap seseorang dan boleh dibentuk melalui pengalaman sendiri (Prayitno, 2009; Soekidjo, 2003).

Aspek yang kedua adalah kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran di SMK yang dikenali sebagai usaha pelajar untuk meningkatkan kecekapan dalam menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi. Kemahiran boleh dibahagikan kepada tiga komponen yang utama iaitu prestasi, keupayaan dan teknologi. Keupayaan merujuk kepada kemampuan untuk melaksana, mengolah dan membentuk asas prestasi (Ab. Rahim dan Ivan 2007; Bambang, 2008; Cleary, Flynn dan Thomasson, 2006; Fitriehara, at. al. 2009). Perkara utama yang diperlukan dalam meningkatkan kemahiran di syarikat perniagaan atau industri ialah mahir dalam bidang pengetahuan konsep, pengetahuan prosedur dan pengetahuan kejuruan (Tovey dan Lawlor 2008). Manakala, kemahiran yang

diperlukan pekerja dalam syarikat perniagaan dan industri adalah kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, menyusun perancangan, kemahiran pengurusan diri, kemahiran belajar, kemahiran teknologi, usaha dan inisiatif (Cleary, Flynn dan Thomasson, 2006).

Bagi usaha untuk meningkatkan kemahiran, setiap individu perlu menguasai sebanyak mungkin kemahiran bagi membolehkannya untuk menjadi pekerja yang produktif berdasarkan perubahan persekitaran (Cleary, Flynn dan Thomasson, 2006; Shu, 2009). Seterusnya dinyatakan pula, bahawa persekitaran kerja dapat berubah bila-bila masa. Ianya dapat dipengaruhi oleh situasi global, teknologi, kepelbagaian budaya dan proses pengurusan kerja semasa. Pelbagai bentuk kemahiran yang diperlukan oleh industri merujuk kepada interaksi dalam kelompok, kemampuan kerja dan perkembangan diri (Smith, 2001). Walaubagaimanapun, menurut Smith (2001) pengurusan syarikat menetapkan bahawa sikap adalah aspek yang diberikan perhatian khusus oleh mereka. Oleh itu, kata kunci kepada pemilihan pekerja bergantung kepada sikap seseorang individu.

Aspek kecekapan pelajar yang ketiga adalah sikap iaitu suatu pernyataan atau penilaian tentang suatu objek, orang atau peristiwa dan merupakan suatu bentuk perasaan. Perasaan yang belaku iaitu menyokong atau memihak dan perasaan yang tidak menyokong terhadap suatu objek (Conti, 2005; Dean dan Meyer, 2002). Sikap juga dapat merujuk kepada tugas yang diberikan kepada pekerja. Misalnya, percanggahan peranan menyebabkan prestasi kerja seseorang menurun. Sikap merupakan gabungan komponen kognitif, kemahiran dan sikap yang saling berinteraksi di antara satu dengan yang lainnya dalam memahami dan merasakan serta bertindakbalas terhadap suatu objek di persekitaran kerja (Uygur dan Kilic, 2009; Wegge, Scmidht, Dick dan Porkes, 2004). Percanggahan peranan pekerja berlaku jika permintaan dan harapan organisasi tidak selaras dan tidak dapat dipenuhi secara baik. Ianya juga dapat mempengaruhi prestasi kerja seseorang. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi sikap seseorang iaitu pengalaman peribadi, budaya, orang lain, media massa, institusi pendidikan, faktor emosi dan persekitaran (Saari dan Judge, 2004; Wegge, at. al, 2004).

Dapatkan kajian tingkah laku organisasi di industri yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat tiga jenis sikap yang menentukan prestasi pekerja iaitu kepuasan kerja, penglibatan kerja dan komitmen organisasi (Wegge, at. al. 2004). Seterusnya, Kepuasan kerja merujuk kepada bentuk sikap positif dan merupakan hasil penilaian individu.

Kepuasan kerja ditakrifkan sebagai keberkesanan tindak balas emosi terhadap setiap aspek pekerjaan. Kedua, penglibatan kerja merujuk kepada ukuran seseorang pekerja terhadap pekerjaan yang dilakukan dan menganggap bahawa prestasi kerja sebagai ukuran harga dirinya. Ketiga, komitmen organisasi merujuk kepada kesetiaan dan kesanggupan pekerja bagi memelihara prestasi organisasi.

Ketiga-tiga aspek kecekapan iaitu kognitif, kemahiran dan sikap berhadapan mempunyai pelbagai cabaran dalam usaha bagi merealisasikan program PSG (Suyanto, 2008; Wardiman, 1999). Antara daripada cabaran tersebut adalah kekurangan dari segi peralatan yang mencukupi dan telah menyebabkan pelajar SMK mempunyai kekurangan kemahiran teknikal dan kurikulum yang dilaksanakan tidak selari dengan keperluan industri (Pardjono, 2011). Kesannya, pelajar SMK tidak dapat diserap secara langsung oleh syarikat perniagaan dan industri (Muliaty, 2008). Berdasarkan Suyanto (2008) SMK perlu dijadikan sebagai pusat kerjaya, ini bermakna SMK harus melaksanakan peranan sebagai peneraju kepada pembekalan tenaga kerja kebangsaan. Selaras dengan itu, graduan SMK seharusnya dapat diterima secara langsung di bidang syarikat perniagaan dan industri selepas menamatkan pengajian mereka di SMK (Wardiman, 1999).

Berdasarkan huraian tersebut, sangat sesuai dengan situasi negara Indonesia yang membangun menuju kepada negara industri. Bagi mencapainya, ianya disokong dengan pertumbuhan penduduk negara Indonesia yang semakin besar bilangannya. Ini merupakan modal bagi pembangunan bangsa untuk mencapai wawasan 2025 iaitu membangun sumber manusia Indonesia yang berdaya saing global. Oleh itu pembangunan pendidikan sangat diperlukan bagi pembangunan modal insan. Antara yang menjadi fokus utamanya adalah pembangunan SMK mestilah menjadi perhatian penyelenggara pendidikan. Pembangunan modal insan melalui latihan industri di SMK adalah merujuk kepada kecekapan graduan iaitu kognitif, kemahiran dan sikap pelajar menjadi isu utama yang memerlukan perhatian menyeluruh bagi memperkembangkannya. Ini kerana ianya dapat meninggalkan kesan yang serius terhadap keseluruhan aktiviti perlaksanaan SMK yang mengamalkan latihan industri.

Merujuk kepada program kerajaan dalam meningkatkan jumlah pelajar kepada 2 juta orang dengan jumlah graduan mencapai 400 ribu setiap tahun (Suyanto, 2008). Ianya dijangka pula terus meningkat setiap tahun. Walaupun peningkatan bilangan pelajar tidak selari dengan graduan yang telah bekerja di industri. Kajian yang dijalankan Muliaty (2008) mendapati bahawa hanya seramai 20% daripada graduan tersebut yang boleh

diserap terus ke syarikat perniagaan dan industri. Ini bermakna terdapat 80% graduan yang tidak diketahui dan perlu mendapat perhatian kerajaan bagi mengelakkan pengangguran berlaku pada masa hadapan. Biro Pusat Statistik Republik Indonesia (BPS, 2010) pula telah mengisyiharkan bahawa graduan SMK yang telah bekerja meningkat hanya 2% daripada 6% kepada 8% dalam masa 5 tahun iaitu di antara tahun 2006 sehingga tahun 2010. Seterusnya BPS (2010) menjangka graduan SMK yang telah bekerja pada tahun 2015 meningkat kepada 30%. Ini menunjukkan bahawa pelaburan bajet yang dikeluarkan kerajaan setiap tahun masih belum memberikan hasil sesuai harapan.

Dalam konteks pencapaian peperiksaan akhir secara nasional tahun 2010 bagi pelajar SMK di Kota Makassar yang diperolehi daripada Dinas Pendidikan Kota Makassar, menunjukkan purata yang diperolehi adalah 4.80. Manakala pencapaian ujian kompetensi yang dijalankan adalah 6.40. Kedua-dua data tersebut bermakna bahawa tahap kognitif dan kompetensi yang diperolehi pelajar dalam tempoh masa tiga tahun adalah rendah sehingga sederhana. Rendahnya pencapaian tersebut juga mengindikasikan bahawa kecekapan pelajar yang diperolehi semasa di sekolah dan latihan industri tidak menunjukkan sebarang peningkatan. Perkara ini juga memberi penerangan bahawa tahap kecekapan pelajar tidak sesuai dengan keperluan industri yang sentiasa menetapkan Standar Kompetensi Kerja Nasional Indonesia.

Apabila dibandingkan dengan jumlah graduan SMK setiap tahun dan pencapaian peperiksaan serta graduan yang telah bekerja memunculkan kerisauan dari pelbagai pihak terutamanya penyelenggara pendidikan dan kerajaan. Sebab dengan situasi ini dapat meningkatkan jumlah pengangguran sehingga memunculkan penyakit sosial di masyarakat. Situasi ini diyakini disebabkan penggunaan kurikulum yang menetapkan tempoh masa latihan industri iaitu tiga bulan, empat bulan dan enam bulan di SMK tidak selari dengan keperluan di industri. Ini bermakna bahawa diperlukan penambahbaikan kepada perlaksanaan pendidikan khususnya di SMK samaada pelaksanaan dan tempoh masa latihan industri yang sememangnya pelajar melaksanakan pekerjaan sebenar di industri. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan bagi mengenalpasti tahap kecekapan pelajar dan keselarian kecekapan yang diperolehi selepas menjalankan latihan industri.

1.3 Pernyataan Masalah

Negara Republik Indonesia mempunyai penduduk yang besar dengan pertumbuhan yang meningkat setiap tahunnya. Bilangan penduduk yang besar adalah satu diantara modal dasar selain aset materil. Modal manusia mesti dibangunkan melalui pendidikan dan latihan bagi meningkatkan kualitinya. Ini kerana manusia dilihat sebagai modal yang dipanggil modal insan. Ianya adalah aset tenaga yang sungguh penting dan bermakna kepada kegiatan ekonomi dan pembangunan negara, Sebab pembangunan modal insan yang mantap dapat membantu memajukan diri dan negara. Pembangunan modal insan dilakukan sememangnya diperlukan tempoh masa yang panjang dan ianya memerlukan bajet yang besar. Oleh itu, kerajaan mempunyai keseriusan terhadap pembangunan modal insan yang diterjemahkan melalui peningkatan pelaburan bajet tiap-tiap tahun (Jadual 1.1). Ianya diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai program pendidikan dan latihan yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan. Antara yang menjadi fokus utamanya adalah pembangunan Sekolah Menengah Kejuruan (SMK). Ia dijangka membekalkan pelajar dengan kecekapan kognitif, kemahiran dan sikap semasa di sekolah dan di latihan industri untuk bersiap sedia menjadi tenaga kerja menengah yang berkualiti. Pelaksanaannya dilakukan melalui Pendidikan Sistem Ganda (PSG) iaitu aktiviti pembelajaran dan pengajaran di dua tempat iaitu di Sekolah dan di Industri. Pembelajaran dan pengajaran di industri dipanggil latihan industri (LI) dijalankan dalam jangka masa 3 bulan, 4 bulan atau 6 bulan

Dalam usaha meningkatkan kecekapan graduan dari segi kognitif, kemahiran dan sikap, pelajar sekolah menengah kejuruan melaksanakan latihan industri sebagai bahagian daripada program Pendidikan Sistem Ganda (PSG). Kecekapan graduan yang diperolehi semasa latihan industri mestilah selari dengan keperluan kerja di industri. Dengan itu, akan menjayakan pelaksanaan tugas semasa mereka telah bekerja. Oleh yang demikian, amat wajar bagi sekolah dan industri melakukan penyelarasan program terutamanya dari segi tempoh masa, kurikulum dan sistem latihan industri yang dijalankan. Ianya bertujuan memberi kecekapan yang sesuai kepada setiap tugas yang ditetapkan dalam Standar Kompetensi Kerja Nasional Indonesia (SKKNI).

Pada tahun 2008 kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia menyatakan bahawa jumlah pelajar SMK mencapai 2 juta orang dengan jumlah graduan setiap tahun 400 ribu (Suyanto, 2008). Dalam konteks pembangunan pendidikan SMK dari segi partisipasi masyarakat, peningkatan bilangan

pelajar dan graduan tersebut sememangnya selari. Namun, kajian yang dijalankan Mulyati (2008) di Kota Makassar menunjukkan rendahnya jumlah graduan iaitu hanya 20% yang diterima bekerja langsung di industri. Ini bermakna bahawa 80% graduan tidak diketahui keadaanya. Data perolehan ini selaras dengan pencapaian peperiksaan akhir tahun 2010 yang menunjukkan tahap rendah (4.80), perkaran yang sama juga wujud pada hasil peperiksaan kompetensi pelajar SMK yang menunjukkan tahap sederhana (6.40). Oleh itu, perhatian harus diberikan oleh kerajaan untuk mengelakkan pengangguran berlaku pada masa hadapan. Jumlah ini berbeza dengan data Biro Pusat Statistik (BPS, 2010) secara nasional bahawa graduan SMK yang telah bekerja dalam masa 5 tahun iaitu di antara tahun 2006 adalah 2% sehingga tahun 2010 meningkat kepada 8% atau naik hanya 6%. Manakala tahun 2015 dijangka meningkat kepada 30%. Keadaan ini menunjukkan masih tingginya bilangan graduan SMK yang tidak dapat bekerja langsung. Perkara tersebut juga mengindikasikan bahawa pelaburan bajet yang dikeluarkan kerajaan setiap tahun masih belum memberikan hasil sesuai harapan. Ini bermakna bahawa hasil yang diperolehi menunjukkan perlaksanaan pendidikan SMK tidak selari dengan matlamat utamanya. Impaknya adalah pelaburan yang telah diagihkan tidak menyokong secara signifikan kepada pembangunan negara.

Bagi pelajar di SMK latihan industri (LI) menjadi sesebuah kewajipan daripada sistem pendidikan yang wujud. Namun LI yang dijalankan merujuk kepada tempoh masa yang ditetapkan iaitu 3, 4 dan 6 bulan. Permasalahan yang timbul adalah adakah tempoh masa tersebut telah memenuhi dan tempoh masa yang manakah lebih berkesan bagi memperolehi graduan yang bersesuaian dengan keperluan pekerjaan. Permasalahan yang berlaku adalah Graduan SMK tidak dapat diterima langsung bekerja di industri yang mungkin kerana kecekapan yang diperolehi graduan semasa mengikuti latihan industri dalam tempoh masa yang berbeza iaitu 3 bulan, 4 bulan dan 6 bulan tidak menunjukkan sebarang peningkatan dan tidak selari dengan keperluan syarikat perniagaan dan industri

Keadaan ini telah menimbulkan persoalan kepada berlakunya situasi tersebut. Ini mungkin disebabkan oleh tahap kecekapan yang diperolehi graduan semasa mengikuti latihan industri tidak menunjukkan sebarang peningkatan dan tidak selari dengan keperluan syarikat perniagaan dan industri. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap-tahap kecekapan pelajar SMK dengan membandingkan tahap kognitif, kemahiran dan sikap yang diperolehi sebelum dan selepas mengikuti latihan industri. Kajian ini juga mengkaji tentang keselarian dari segi kognitif, kemahiran dan sikap yang diperoleh pelajar berdasarkan keperluan industri.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk mengetahui peningkatan kecekapan yang diperolehi pelajar SMK kursus automotif yang terlibat dalam program latihan industri di Kota Makassar. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti tahap kognitif, kemahiran dan sikap pelajar di sekolah menengah kejuruan sebelum latihan industri.
- ii. Mengenalpasti tahap kognitif, kemahiran dan sikap pelajar di sekolah menengah kejuruan selepas latihan industri.
- iii. Menentukan perbezaan tahap kognitif, kemahiran dan sikap pelajar di sekolah menengah kejuruan sebelum dan selepas latihan industri.
- iv. Menentukan perbezaan keberkesanan latihan industri berdasarkan tempoh masa tiga bulan, empat bulan dan enam bulan.
- v. Mengenalpasti keselarian tahap kognitif, kemahiran dan sikap pelajar yang diperolehi melalui latihan industri untuk kerja-kerja industri berdasarkan persepsi guru sekolah menengah kejuruan, penyelia dan majikan.
- vi. Membina kerangka pembinaan kecekapan pelajar sekolah menengah kejuruan yang sesuai dengan keperluan industri.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk memperolehi jawapan kepada persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah tahap pelajar sekolah menengah kejuruan sebelum latihan industri dari segi;
 - a. Kognitif?
 - b. Kemahiran?
 - c. Sikap?
- ii. Apakah tahap pelajar sekolah menengah kejuruan selepas latihan industri dari segi;
 - a. Kognitif?
 - b. Kemahiran?
 - c. Sikap?

- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara kognitif, kemahiran dan sikap pelajar sekolah menengah kejuruan sebelum dan selepas latihan industri?
- iv. Adakah terdapat perbezaan keberkesanan latihan industri berdasarkan tempoh masa tiga bulan, empat bulan dan enam bulan?
- v. Bagaimanakah keselarian tahap kognitif, kemahiran dan sikap pelajar yang diperolehi untuk kerja-kerja industri melalui latihan industri berdasarkan persepsi;
 - a. Guru sekolah menengah kejuruan?
 - b. Penyelia?
 - c. Majikan?
- vi. Bagaimanakah kerangka pembinaan kecekapan pelajar sekolah menengah kejuruan yang sesuai dengan keperluan industri?

1.6 Hipotesis Kajian

Untuk menjawab persoalan kajian (iii), hipotesis nul dibentuk seperti berikut:

Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kognitif, kemahiran dan sikap pelajar sekolah menengah kejuruan sebelum dan selepas latihan industri

Hipotesis tersebut diperincikan seperti berikut:

- Ho₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara kognitif pelajar sekolah menengah kejuruan sebelum dan selepas latihan industri.
- Ho₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara kemahiran pelajar sekolah menengah kejuruan sebelum dan selepas latihan industri.
- Ho₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara sikap pelajar sekolah menengah kejuruan sebelum dan selepas latihan industri.
- Ho₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara kecekapan pelajar sekolah menengah kejuruan berdasarkan tempoh masa latihan industri sebelum dan selepas latihan industri.

1.7 Rasional Kajian

Kebanyakan kajian berkenaan memfokuskan kepada perlaksanaan pendidikan sistem ganda (PSG), peranan guru dalam PSG dan proses pelaksanaan latihan industri. Kajian yang dilakukan ini adalah menunjukkan kekurangan dan kecenderungan untuk menerangkan dan memahami aspek kecekapan pelajar yang diperolehi sebelum dan selepas latihan industri. Selain itu juga, proses yang dilakukan oleh pelajar semasa latihan industri atau perintisan dan keselarian kecekapan yang diperolehi pelajar berdasarkan keperluan industri.

Kajian-kajian lepas berhubung dengan Pendidikan Sistem Ganda (PSG) hanyalah mengenalpasti perlaksanaan polisi PSG di Sekolah Menengah kejuruan (Wahyu, 2008), model dan sistem pendidikan latihan vokasional (Ivan, Ab. Rahim, Ramlah dan Rosaini (2008). Pendidikan Sistem Ganda dan perintisan di Jerman menerangkan bahawa model pendidikan teknik dan vokasional yang berlaku di sesebuah negara merujuk kepada orientasi peningkatan kualiti pendidikan dan latihan kejuruan dalam transformasi ekonomi global (Perry dan Sherlock, 2008).

Fokus kajian yang lainnya mendapati bahawa wujudnya interaksi sekolah dan pasaran tenaga kerja yang berperanan untuk meningkatkan kemampuan pelajar (Abdullah, 2011; Pardjono, 2011; Rosenbaum dan Jones, 2000). Seterusnya, kajian tentang peranan guru dan pelatih dalam latihan industri. Ianya mengkaji kemampuan membimbing pelajar semasa menjalankan latihan industri (Tatang, 2005; Grollmann, 2008; Jianchu dan Shuo, 2011). Kajian peranan guru yang dijalankan oleh Dean dan Mayer, (2002); Kennedy, (1998) mendapati bahawa pembelajaran dan pengajaran yang baik adalah tanggungjawab seorang guru dan pelatih. Ianya perlu sentiasa meningkatkan keupayaan berfikir dalam memahami dan membangun pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar. Maklumat yang diperoleh daripada guru dan pelatih industri menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang dijalankan di sekolah dan kemahiran yang diperoleh di industri perlulah mempunyai komposisi yang seimbang (Mulyasa, 2003).

Dengan mengkaji kecekapan pelajar-pelajar yang mengikuti latihan industri, maka pelajar dikategorikan kepada kelompok-kelompok tertentu berdasarkan kelompok yang menerima pengetahuan daripada guru dan pelatih (Bedard dan Jacques, 2005; Tatang, 2005). Pihak industri dan sekolah boleh merancang model latihan praktik yang

bersesuaian dalam usaha untuk membentuk, mengukuh dan mengubah konsep kecekapan yang perlu dimiliki pelajar (Arief, 2010; Fitriehara, Ramlah dan Ab. Rahim, 2009). Dengan itu, usaha untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran praktik di industri dan sekolah perlulah lebih terancang dan berfokus dengan mengambilkira aspek-aspek kecekapan pelajar supaya bermanfaat bagi pelajar (Ballot, *et. al.*, 2006; Cawley, 2007; Dearden, Reed dan van Reenen, 2006; Mupinga, Busby dan Ngatiah, 2006).

Kajian ini dijalankan bagi menjelaskan lagi keselarian kecekapan graduan dengan keperluan kerja di industri. Dapatan ini juga memberi pemahaman konsep latihan industri di SMK terutamanya tempoh masa yang digunakan. Dapatan kajian dapat dijadikan sebagai kerangka model untuk meramal konsep pengajaran dan pembelajaran amalan kerja di industri. Hasilnya diharapkan memberi cadangan dalam bentuk rancangan pembangunan pendidikan SMK. Perancangan pendidikan adalah perpaduan antara lembaga pendidikan dan industri untuk menentukan matlamat sebagai kaedah untuk mencapai kesesuaian pendidikan dan dunia pekerjaan (Ishak, Rahman dan Robiah, 2008). Perancangan pendidikan semula boleh dilakukan dengan melibatkan seluruh warga sekolah seperti pengetua sekolah, guru, pelatih, pimpinan industri dan seterusnya menghasilkan suatu bentuk konsep pendidikan kejuruan yang baru (Nizam, *et.al*, 2009). Kajian tentang kecekapan menunjukkan bahawa, kecekapan yang diperolehi pelajar semasa mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran akan menjadi suatu yang sangat berharga (Baharim dan Gramberg, 2005; Baidiyanath dan Patnak, 2011; Ballot, Fakhfakh dan Taymaz, 2006; Cawley, 2007; Dearden, Reed dan van Reenen, 2006; Jarvis dan Keely, 2003; Patnak, Ipseeta dan Panigrahi. 2011).

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian-kajian yang telah dijalankan berkenaan dengan praktik kerja industri atau latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) hanyalah tertumpu kepada kaedah perlaksanaan sahaja. Usaha untuk mengubah konsep kecekapan melalui latihan industri bagi pelajar SMK perlulah mengambilkira beberapa faktor yang mempengaruhinya iaitu kecekapan yang terdiri daripada kognitif, kemahiran dan sikap pelajar yang boleh menyebabkannya diterima bekerja di syarikat perniagaan atau industri. Ianya juga dapat menjadi rujukan untuk mengubahsuai program sediaada kepada program yang lebih bersesuaian dengan keperluan kerja di industri. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini

diharap dapat membantu dalam usaha meningkatkan tahap kecekapan pelajar dari segi aspek kognitif, kemahiran dan sikap yang selari dengan keperluan kerja di industri. Kajian yang dijalankan ini mempunyai kepentingan kepada sekolah, guru-guru, pentadbir pendidikan negeri, syarikat, kementerian pendidikan dan kebudayaan serta kerajaan dalam pembangunan negara. Maklumat yang diperoleh daripada kajian ini boleh digunakan sebagai panduan, pertimbangan dan perbincangan semua pihak.

Hasil kajian ini dapat digunakan sekolah dalam menyusun semula bentuk perancangan pendidikan, perancangan kurikulum dan penilaian supaya mereka dapat mewujudkan pelajar yang memiliki kecekapan berkualiti berdasarkan keperluan syarikat perniagaan atau industri. Perancangan semula kepada latihan industri yang dijalankan dan kesesuaian kurikulum sekolah dan industri yang dapat meningkatkan kemahiran praktikal kepada pelajar (Nizam, *et al.*, 2009). Perancangan pendidikan sekolah di Indonesia berpunca daripada perancangan kurikulum yang selaras dengan kurikulum yang digunakan di sekolah iaitu Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) dan keperluan industri (Mulyasa, 2003).

Bagi guru-guru mahupun pelatih di industri, kajian ini dapat membantu mereka dalam mengenalpasti tahap kecekapan yang telah diperoleh pelajar semasa latihan industri. Kajian ini juga memberi maklumat kepada guru-guru dan pelatih di industri tentang aspek kognitif, kemahiran dan sikap yang perlu didedahkan dalam pengajaran di sekolah menengah kejuruan. Bagi sekolah dan syarikat perniagaan dan industri, dapatan kajian ini boleh memberikan maklum balas tentang bentuk penerapan piawaian kecekapan yang diperlukan oleh syarikat perniagaan atau industri. Selain itu, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan oleh bahagian pentadbiran pendidikan di Kota Makassar dalam membentuk dasar pendidikan di daerahnya. Selain itu, dapatan kajian ini juga boleh digunakan oleh bahagian pentadbiran pendidikan bagi memantapkan guru-guru dan pelatih melalui perkhidmatan perlaksanaan PSG di SMK. Seterusnya, dapatan kajian ini berguna kepada Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia untuk menyusun dan menilai semula keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di SMK.

Akhir sekali, kajian ini diharapkan berguna bagi pembangunan negara terutamanya pembangunan bagi mencapai matlamat pembangunan ekonomi, sosial dan budaya. Satu kaedah yang boleh dilakukan adalah sistem pendidikan kejuruan yang selaras dengan

permintaan syarikat perniagaan dan industri yang menghasilkan tenaga kerja yang mahir. Dalam kaitan itu, kerajaan dan setiap pihak berkepentingan perlu membuat perancangan pendidikan yang boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi kebangsaan (Aburizal, 1996; Ishak, Rahmah dan Robiah, 2008). Maknanya adalah, apabila graduan mempunyai kecekapan yang baik, mereka tentu boleh menjadi aset ekonomi yang sangat penting sebagai pekerja mahir atau boleh bermiaga sehingga mampu mempertingkatkan pembangunan ekonomi, sosial, dan budaya negara.

1.9 Skop dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pembolehubah yang dikaji merujuk kepada kecekapan pelajar sebelum dan selepas latihan industri. Pembolehubah kecekapan yang dimaksudkan adalah keupayaan dari segi kognitif, kemahiran dan sikap pelajar. Kajian ini perlu dijalankan bagi mengenalpasti bentuk latihan industri yang berkesan bagi pelajar agar dapat melengkapkan mereka dengan kemahiran teknikal yang diperlukan di tempat kerja. Sampel yang digunakan hanya melibatkan pelajar-pelajar SMK di Kota Makassar yang mengikuti latihan di industri. Sampel yang dipilih terhad kepada pelajar-pelajar yang memilih program kursus automotif di tujuh buah SMK Kota Makassar. Pelajar yang menjadi sampel dalam kajian ini dipilih secara rawak mudah. Keadaan ini dilakukan untuk memastikan setiap subjek dalam populasi memiliki peluang yang sama untuk dipilih menjadi responden dalam kajian (Chua, 2006; Sugiyono, 2006). Untuk memperolehi maklumat dan memperkayakan data bagi program latihan industri, maka temubual dengan guru, penyelia dan majikan dijalankan. Ianya menggunakan kaedah sampel bertujuan.

Kajian ini hanya menggunakan soal selidik untuk menilai aspek-aspek kecekapan pelajar sekolah kejuruan sebelum dan selepas menjalani latihan industri dari segi kognitif, kemahiran dan sikap. Untuk menyokong dapatan soal selidik, maka kaedah temubual dan pemerhatian turut dilaksanakan semasa latihan industri. Ketiga-tiga kaedah dijalankan kerana pelajar berkemungkinan tidak ingat dengan tepat tentang perkara yang telah dilakukan semasa latihan industri. Selain itu, ianya dapat memenuhi syarat trianggulasi untuk meningkatkan ketekalan dapatan kajian.

Kajian ini dilakukan di sekolah kejuruan Kota Makassar. Oleh itu, hasil daripada kajian yang dilakukan boleh menjadi rujukan di dalam pembangunan sekolah kejuruan di Kota Makassar. Apabila kajian ini digunakan di sekolah kejuruan di seluruh wilayah Indonesia atau di peringkat global, maka kajian lanjutan diperlukan untuk menyesuaikan lokasi, keadaan dan persekitaran.

1.10 Kerangka Teori dan Kerangka Konsep Kajian


Kerangka teori kajian ini digunakan untuk menerangkan fungsi daripada pendidikan kejuruan berasaskan dimensi kecekapan yang dibahagikan kepada tiga domain utama iaitu domain kognitif, kemahiran dan sikap (Bloom, 1956; Fallows dan Steven, 2000; Finch dan Crunkilton, 1999; Simpson, 1972). Ketiga-tiga domain ini perlu dimiliki oleh pelajar agar hasil pendidikan yang berkualiti dapat diperolehi (Amer, 2006; Bloom, 1956; Drost, 1998; Paul, 2001). Terdapat beberapa model bagi meningkatkan kualiti pendidikan di SMK antaranya adalah model pembelajaran pekerjaan. Ianya diperkenalkan pada tahun 1960-an bagi memberikan fokus dan kecekapan yang khusus dalam pekerjaan yang bakal diceburi dari segi kognitif, kemahiran dan sikap (Whetstone dan Browning, 2002). Di negara Indonesia, model pendidikan kejuruan yang digunakan adalah model Pendidikan Sistem Ganda (PSG) yang diadaptasi daripada negara Jerman. PSG adalah sebuah sistem pendidikan SMK yang menggunakan dua tempat pembelajaran iaitu di sekolah dan syarikat perniagaan atau industri (Deissinger, 2005; Dwi, 1996; Göringer, 2002; Hippach dan Krause, 2007; Jianchu dan Shuo, 2011). Tempoh pendidikan SMK selama tiga tahun diperlukan bagi tujuan menyediakan program latihan yang teratur. Latihan yang yang dijalankan berasaskan vokasional, latihan kelayakan dan kecekapan yang diperlukan syarikat bagi mengambil pekerja yang berkompeten dan berkualiti (Fitriehara, 2009; Mndebele dan Mkhwel, 2006).

Model pembelajaran pekerjaan dalam latihan industri merupakan sebahagian daripada program PSG yang bertujuan menyediakan pelajar yang berkelayakan untuk bekerja di syarikat perniagaan dan industri. Perkara ini disokong oleh kenyataan bahawa sistem pendidikan dan latihan SMK mempunyai peranan penting bagi memenuhi keperluan industri dalam menyediakan tenaga kerja mahir (Ab Rahim dan Ivan, 2007; Dunlop, Trevor dan Challis., 1999; Tovey dan Loawlor, 2008). Kajian empirikal yang dilakukan oleh Ab Rahim dan Ivan (2007) menunjukkan bahawa pendidikan dan latihan

kejuruan berguna untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran teknikal yang diperlukan di tempat kerja dan jangkaan profesional. Pembelajaran melalui latihan kerja merujuk kepada penyediaan pengalaman kerja, dan boleh digunakan untuk membantu pelajar dalam mengenalpasti keadaan sebenar yang wujud dalam pekerjaan (Dunlop, Trevor dan Challis, 1999). Kenyataan ini disokong pula oleh pandangan yang menyatakan bahawa proses pembelajaran dan latihan di tempat kerja dapat membantu pelajar untuk membangunkan kognitif, kemahiran dan pengalaman kerja seperti keupayaan pelajar untuk melakukan pekerjaan secara berdikari, mendengar, memerhati kerja-kerja dan persekitaran (Tovey dan Loawlor, 2008).

Perubahan sistem pendidikan boleh memberikan kesan kepada perubahan dalam mengagihkan kesempatan untuk memajukan pendidikan (Ary, 2006; Bourne, 2003; Burbules dan Torres, 2000; Dede, 2004; Kennedy, 1998). Berkaitan dengan perkara ini, perubahan sistem pembangunan pendidikan dilakukan pada peringkat SMK untuk menyokong perlaksanannya yang dilakukan sejak tahun 1993/1994. Antara yang diubahsuai adalah polisi Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia terhadap perlaksanaan SMK iaitu program PSG sebagai rujukan bagi menyediakan tenaga kerja menengah (Wardiman, 1999). Program PSG ini dapat membezakan di antara graduan SMK dengan lulusan sekolah umum iaitu dari segi kelayakan yang dimiliki (Malamud, 2006; Sudarman, 2005). Perbezaan yang ketara antaranya adalah graduan SMK dijangkakan mempunyai kelayakan kecekapan tertentu untuk berkemahiran dalam pekerjaan, manakala lulusan sekolah menengah umum lebih mengarah kepada kelayakan pelajar untuk menceburi bidang pengajian tinggi. Ini kerana SMK mengamalkan sistem pendidikan di dua tempat iaitu di sekolah dan syarikat. Jangkaan lulusnya juga adalah bekerja di syarikat atau menjadi usahawan serta dapat melanjutkan pendidikan ke peringkat pengajian tinggi di Indonesia (Kemdiknas 2009; Sudarman, 2005).

Dalam kajian ini, faktor-faktor yang dikaji adalah konsepsi kecekapan pelajar iaitu keupayaan pelajar-pelajar melalui pendidikan, pengalaman dan latihan yang dilaksanakan supaya mereka boleh mencapai piawaian kecekapan kerja. Piawaian kecekapan kerja merujuk kepada piawaian kerja yang dijadikan sebagai rujukan bagi menceburi dunia pekerjaan iaitu kognitif, kemahiran dan sikap (Bedard dan Jacques, 2005; Dunlop, Trevor dan Challis, 1999; Grifth, 2003; Janevski dan Pendev, 2007; Jeris, dan Johnson, 2004; Le Deist dan Winterton, 2005). Berdasarkan huraihan tersebut, maka kajian ini disusun sesuai dengan kerangka teori seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 berikut.




Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian

Konsep-konsep penting kecekapan pelajar daripada kerangka teori kajian merujuk kepada hasil latihan industri yang dijadikan sebagai teras pembolehubah kajian bagi memudahkan proses perlaksanaan kajian. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konsep kajian yang terdiri daripada pembolehubah-pembolehubah yang perlu dianalisis dalam kajian ini. Terdapat tiga pembolehubah utama yang dianalisis dalam kajian ini iaitu kognitif, kemahiran dan sikap. Kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama iaitu bahagian I digunakan untuk menentukan tahap kecekapan pelajar sebelum mengikuti latihan industri. Ianya merujuk kepada pengetahuan asas, kepahaman, penggunaan, analisis, sintesis dan penilaian (Bloom, 1956). Seterusnya, tahap dari segi kemahiran merujuk kepada pengamatan, persediaan, pergerakan terkawal, mekanisme, gerakan khusus, penyesuaian, kreativiti (Simpson, 1972). Manakala, dari segi sikap merujuk kepada kepuasan kerja, penglibatan kerja, komitmen organisasi, percanggahan peranan dan kekaburuan peranan. Bahagian pertama yang dipanggil proses adalah proses

pembelajaran yang dijalankan oleh pelajar dalam masa 2.5 tahun. Mereka diajarkan mata pelajaran kumpulan normatif, adaptif dan produktif. Ianya juga diajarkan mata pelajaran melalui amalan di makmal bagi komponen vokasional dan komponen amalan dasar profesyen.

Bahagian II melibatkan masa lawatan pelajar ke tempat latihan industri iaitu 3 sehingga 6 bulan. Dalam tempoh masa latihan industri, pelajar didedahkan dengan subjek atau mata pelajaran komponen produktif yang terdiri daripada komponen kejuruan iaitu pelajaran teori-teori kejuruan untuk membina pengetahuan teknik berdasarkan kepakaran. Seterusnya, pelajar diajarkan mata pelajaran komponen amalan dasar profesyen iaitu latihan kerja bagi menguasai teknik bekerja bersesuaian dengan tuntutan profesyen. Selain itu, mereka diajarkan juga komponen amalan kepakaran profesyen iaitu aktiviti bekerja secara terancang berdasarkan situasi sebenar bagi mencapai tahap kepakaran dan sikap profesionalisme. Daripada bahagian ini, proses pembangunan kepakaran profesyen bagi pelajar dijalankan di tempat kerja sebenar yang dipanggil latihan industri. Pembelajaran dan pengajaran yang dijalankan adalah dibimbing langsung oleh juru latih di industri bagi meningkatkan kepakaran mereka sesuai dengan kursus yang diceburi.

Bahagian III digunakan bagi menentukan tahap kecekapan pelajar selepas mengikuti LI. Tahap kecekapan pelajar yang dinilai adalah seperti pada bahagian pertama. Bahagian ini dipanggil output yang menjadi tujuan daripada pendidikan kejuruan. Selepas menjalankan latihan industri pelajar sepatutnya telah menguasai kursus yang diceburi. Terdapat tiga aspek yang diharapkan meningkat dan selari dengan kerja-kerja di industri iaitu peningkatan dari segi kognitif, kemahiran dan sikap. Huraian tersebut memberi penerangan bahawa pendidikan di peringkat SMK dimulai dari input iaitu sebelum LI. Ianya adalah pelajar SMK dari lulusan Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan dibina dalam jangka masa 2.5 tahun. Proses iaitu semasa LI dijalankan dalam tempoh masa tiga sehingga enam bulan. Output atau selepas LI adalah kepakaran profesyen yang diperolehi selama proses pendidikan. Keseluruhan aktiviti iaitu input, proses dan output kajian seperti pada kerangka konsep kajian dalam Rajah 1.2 berikut:



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian

1.11 Definisi Istilah

Bahagian ini merangkumi beberapa definisi istilah yang digunakan bagi kajian ini, iaitu:

1.11.1 Pendidikan Sistem Ganda (PSG)

Program PSG adalah suatu bentuk perlaksanaan pendidikan kemahiran profesional yang bersepada dan sistematik di antara program pendidikan di sekolah dan program penguasaan kepakaran yang diperolehi melalui kegiatan bekerja secara terarah di industri untuk mencapai tahap kepakaran profesional tertentu

1.11.2 Latihan Industri

Latihan Industri atau amalan kerja industri merujuk kepada kerja-kerja industri yang dijalankan oleh pelajar SMK di syarikat bagi membolehkan menguasai dan memahami persekitaran kerja sebenar.

1.11.3 Kecekapan Pelajar

Kecekapan pelajar adalah keupayaan pelajar mencapai piawaian kecekapan kerja melalui pendidikan, pengalaman dan latihan yang diterima. Piawaian kecekapan kerja ialah yang dijadikan sebagai rujukan bagi menceburi dunia pekerjaan iaitu kognitif, kemahiran dan sikap

1.11.4 Kognitif

Kognitif adalah keupayaan pelajar untuk memperoleh pendidikan dan pengalaman kerja melalui pengetahuan asas, pemahaman, mengetahui kaedah untuk mengklasifikasikan objek kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil, menghubungkan bahagian-bahagian dan melakukan penyelidikan atau justifi terhadap sesuatu objek. Butiran pengetahuan yang dikaji adalah merujuk kepada dimensi kognitif yang terdiri dari 6 peringkat utama di dalam domain kognitif iaitu pengetahuan, kefahaman, penggunaan, analisis, sintesis dan penilaian.

1.11.5 Kemahiran

Kemahiran dalam konteks pembelajaran di SMK dikenali sebagai usaha pelajar untuk meningkatkan prestasi, keupayaan dan teknologi dalam menyelesaikan pemasalahan kerja sebenar. Butiran kemahiran yang dikaji merujuk kepada dimensi pengalaman kerja pelajar iaitu kebolehan memberi pengamatan, persediaan, pergerakan terkawal, mekanisme, gerakan khusus, penyesuaian, kreativiti dalam melakukan tugas yang diberikan.

1.11.6 Sikap

Sikap adalah pernyataan atau penilaian pelajar tentang objek, orang atau peristiwa. Sikap merupakan interaksi di antara komponen kognitif, kemahiran dan sikap bagi memahami, menyelami dan bertindak balas terhadap persekitaran. Ringkasnya, sikap didefinisikan sebagai ekspresi sederhana tentang kegemaran atau kebencian seseorang terhadap suatu perkara yang berlaku. Butiran sikap yang dikaji adalah diadaptasi dari dimensi kepuasan kerja, penglibatan kerja, komitmen organisasi, percanggahan peranan dan kesemuan peranan.

1.11.7 Graduan

Pelajar SMK yang berjaya menamatkan pengajian setelah mengikuti peperiksaan akhir namun belum mengambil ijazah. Ianya telah mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran serta latihan industri sesuai jangka masa yang ditetapkan. Graduan yang telah menjalani satu tempoh masa latihan dijangka memperolehi kecekapan yang mencukupi dan berdedikasi menjalankan tugas sesuai tuntutan profession kursus yang diceburi.

1.11.8 Keselarian

Keselarian adalah kesesuaian kecekapan graduan iaitu persyaratan kemampuan yang diperlukan pekerjaan dengan keperluan syarikat perniagaan atau industri.

RUJUKAN

- Ab. Rahim Bakar & Ivan Hanafi (2007). Assessing employability skills of technical-vocational students in malaysian. *Journal of Social Science*, 3 (4) : 202-207
- Abdul Hafidz bin Haji Omar dan Dayang Hajah Tiawa bte Awang Haji Hamid (2009). *Analisis Data Kualitatif*. Skudai: NasMax, Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Ahmad (2006). *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*, Malaysia: Human Resource Academy. Siri Pengurusan Hadari
- Abdullah Mat Rashid (2011). Career development interventions in technical and vocational schools in Malaysia, *The Journal of Human Resource and Adult Learning* 7(2) : 23-33
- Abin Syamsuddin Makmun (2003). *Psikologi Pendidikan*. Bandung : PT Rosda Karya Remaja
- Abou, M. N. Tudolf K.E & Ali S (2008). Implementation a dual system of technical education in egypt. *The Journal of Technology Studies*. University Archive, 1999. 2008. ([URL:<http://www.Scholar.lib.vt.Edu/ejournals/JOTS/Winter-Spring-1999/ideas.html>](http://www.Scholar.lib.vt.Edu/ejournals/JOTS/Winter-Spring-1999/ideas.html), 2008).
- Aburizal Bakrie (1996). *Konsep PSG Pada SMK di Indonesia*, Jakarta : MPKN
- Ace Suryadi (1996). Link and match kebutuhan mendasar pengembangan SDM, *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*, 2(5) : 15-19
- Adhikary, P.K. (2005). Educational Reform For Linking Skills Development With Employment In Nepal. In M. SINGH (Eds.), *Meeting Basic Learning Needs in the Informal Sector Integrating Education and Training for Decent Work, Empowerment and Citizenship* (pp. 215-228). Hamburg, Germany: UNESCO Institute for Education
- Ahmad Shukri Mohd Nain & Rosman Md. Yusoff. (2003). *Konsep, Teori, Dimensi dan Isu Pembangunan*, Skudai : UTM Press
- Alwasilah Chaedar (2008). *Pokoknya kualitatif*, Jakarta : Pustaka Jaya

- Amer, A. (2006). Reflections on Bloom's revised taxonomy. *Electronic Journal of Research in Educational Psychology* 4(1) : 213-230
- Anwar (2006). *Pendidikan Kecakapan Hidup (Konsep Dan Aplikasi)*, Bandung : Alfabeta
- Arief Yulianto Notonegoro (2010). Model kompetensi lulusan Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) berbasis kompetensi dunia usaha dan dunia industri, *Journal Penelitian Kebijakan Pendidikan*, 8 : 170-184.
- Arif Budiman (2000). *Teori Pembangunan Dunia Ketiga*, Jakarta : PT. Gramedia Pustaka Utama
- Ary H. Gunawan (2006). *Sosiologi Pendidikan Suatu Analisis Sosiologi Tentang Pelbagai Problem Pendidikan*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Australian, National Training Authority (ANTA), (1999). *Competency Based Training in Australia*, Adelaide: National Centre for Vocational Educational Research Ltd.
- Azizi Yahaya, Shahin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Professional.
- Azwar, S. (1995). *Sikap Manusia, Teori Dan Pengukurannya*, Edisi 2, Yogyakarta: Liberty,
- Baharim, S & Gramberg, B. V (2005), *The Influence Of Knowledge Sharing On Transfer Of Training: A Proposed Research Strategy*, AIRAANZ, Victoria University
- Bachtiar S. Bachri (2010). Meyakinkan validitas data melalui triangulasi pada penelitian kualitatif, *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 10 (1) : 46-62
- Baidiyanath P., B. &. Patnaik C., M. (2011). A comparative analysis of student's (Boys) perception on training methods and techniques: A Survey. *International Journal Economic*. 2 : 7-12.
- Balitbang Dikbud (1997). *Pendidikan Indonesia dari Jaman ke Jaman*, Jakarta : Depdikbud
- Ballot, G., Fakhfakh, F. & Taymaz, E. (2006). Who benefits from training and R & D, the firm or the workers? *British Journal Of Industrial Relations*, 4 : 473-495
- Bambang Indrianto (2008). *Merentang Jalan Menuju Pelayanan Pendidikan Dasar Dan Menengah Bermutu*. Jakarta : Dirjen Mandikdasmen Depdiknas
- Batt, R. (2002). Managing customer services: HR practices, quit rates and sales growth. *Academy Of Management Journal*, 45 : 587-601
- Becker, G. S. (1962). Investment in Human Capital: A Theoretical Analysis. Colombia University and National Bureau of Economic Research. *Journal Political Economy*. 5, pp. 9-49

- Bedard, J., G., & Jacques, P. (2005). Identifying a profile of key competencies for financial planners. *Journal of Business & Economics Research* 3 (4) : 51-62.
- Berg, B. L. (2004). Qualitatif Research Methods for The Social Science. Fifth edition. Boston: Person
- Bernardin dan Russell (1998), Human Resource Management, Second Edition, Singapore, McGraw-Hill Book Co
- Bjork, C. (2005). *Indonesian Education, Teachers, Schools, and Central Bureaucracy*. New York & London : Routledge.
- Bjork, C. (2006). *Transferring Authority to Local School Communities in Indonesia: Ambitious Plans, Mixed Result. Education Dezentralization, Asian Experiencies and Conceptual Contribution*. C. Bjork. New York, USA, Springer. 8 : 129-148.
- Bloom, B., S. & Engelhart, M., D (1956). *Taxonomy of Educatalon Objectives, The Classification of Educational Goals*. Michigan : Printed in the United States of America
- Bolton, R., N. (1998). A dynamic model of the duration of the customer's relationship with a continuous service provider: the role of satisfaction *Source: Marketing Science*, 17(1): 45-65
- Boud, D & Solomon, N. (2008). *Work-Based Learning A New Higher Education.*, Enggland: SRHE and Open University Press Imprint
- Bourne, D. (2003). Towards a theory of development education, *Development Education Journal*, 10(1) : 3 – 6
- BPS (2010). *Analisis Perkembangan Statistik Ketenagakerjaan*, Jakarta : Biro Pusat Statistik
- Bradley, S, Petrescu, A. & Simmons, R. (2004). The impacts of human resource management practices and pay inequality on workers' job satisfaction. *Paper Presented At The Western Economic Association 79th Annual Conference Vancouver*
- Brown, L. B. (1998). *Applying Constructivism in Vocational and Career Education*. Columbus: ERIC
- Burbules, N., C. & Torres, C. A. (Eds.) (2000) *Globalization And Education, Critical Perspectives*, London : Routledge
- Cawley, J. (2007). Value generation in vocational education, *International Seminar On Technical & Vocational Education And Training (ISTVET 2007), Proceedings*, 3-5 December 2007 : 58-66
